

PEMBINAAN GARIS PANDUAN MUZIUM PATUH SYARIAH DI MALAYSIA

(The Construction of Shariah-Compliant Museum Guidelines in Malaysia)

Ahmad Farid Abd Jalal
farid.muzium@gmail.com

Muzium Sultan Abu Bakar, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia.

Siti Maimunah Kahal*
mykahal89@yahoo.com

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Rahimin Affandi Abdul Rahim
faqir_ila_rabbih@um.edu.my

Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Ahmad Farid Abd Jalal, Siti Maimunah Kahal & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2023). Pembinaan garis panduan muzium patuh syariah di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 141–158. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jm.16(1)no7)

Peroleh: <i>Received:</i>	26/8/2022	Semakan: <i>Revised</i>	3/10/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	23/11/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/1/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	------------	--	----------

Abstrak

Dewasa ini, peranan muzium amat besar sekali. Muzium berfungsi sebagai institusi multifungsi, iaitu sebagai penjana ekonomi, penjaga harta warisan, pembawa agenda pembangunan negara dan alat pendidikan. Kesemuanya mempunyai kaitan langsung dengan usaha memartabatkan Islam dalam kehidupan. Namun begitu, di sebalik semua fungsi ini, masih belum ada lagi garis panduan muzium patuh syariah yang boleh dirujuk oleh institusi muzium. Untuk itu, kajian ini akan cuba

membangunkan garis panduan muzium patuh syariah menggunakan dua kaedah utama, iaitu pertama, kaedah analisis kandungan terhadap bahan yang berkaitan dengan muzium dan Islam. Kedua, kaedah Fuzzy Delphi, iaitu kaedah mendapatkan pengesahan pakar muzium, budaya dan hukum Islam tentang garis panduan muzium patuh syariah yang sesuai dengan realiti Malaysia. Hasilnya, kajian ini mencadangkan dua garis panduan muzium patuh syariah untuk kegunaan muzium di Malaysia yang terdiri daripada aspek (a) kurator dan (b) artifak muzium. Kedua-dua garis panduan ini mengandungi sudut pandang Islam yang disesuaikan dengan realiti semasa Malaysia.

Kata kunci: Muzium, Islam, patuh syariah, garis panduan, kurator, artifak

Abstract

Nowadays, the role of museums are prominent in society. It has served as a multi-functional institution as an economic generator, custodian of heritage, carrier of the national development agenda and educational tool. All of them are directly related to efforts to dignify Islam in life. However, despite all these functions, there are still no shariah-compliant museum guidelines that museum institutions can refer to. To that end, this study will try to develop guidelines for syariah-compliant museums using two main methods. The first method is the method of content analysis of materials related to museums and Islam. The second method is the Fuzzy Delphi method, which is a method of obtaining the confirmation of museum, culture and Islamic law experts about the syariah-compliant museum guidelines that suit the Malaysian values. The results of this study will produce two sharia-compliant museum guidelines for museums in Malaysia. This guideline consists of the aspects of (a) curators and (b) museum artifacts. Both of these guidelines contain an Islamic world-view that is adapted to the current Malaysian culture and values.

Keywords: Museum, Islam, syariah-compliant, guidelines, curator, artefact

PENDAHULUAN

Dalam konteks dunia moden, muzium berfungsi sebagai institusi multifungsi, iaitu sebagai penjana ekonomi, penjaga harta warisan, pembawa agenda pembangunan negara dan alat Pendidikan. Kesemuanya ini mempunyai kaitan langsung dengan usaha memartabatkan Islam dalam kehidupan. Namun begitu, di sebalik semua fungsi ini, masih belum ada lagi garis panduan muzium patuh syariah yang boleh dirujuk oleh institusi muzium.

Atas dasar itu, kajian ini menawarkan garis panduan muzium patuh syariah. Garis panduan ini dapat dikategorikan sebagai medan ijtihad yang perlu dilakukan oleh

sarjana Islam moden. Usaha membangunkan garis panduan muzium patuh syariah ini dibuat melalui dua kaedah utama. Pertama, kaedah analisis kandungan terhadap bahan yang berkaitan dengan muzium dan Islam. Kedua, kaedah Fuzzy Delphi (dlm. Habibah @ Artini *et al.*, 2014:2–21); iaitu kaedah mendapatkan pengesahan pakar muzium, budaya dan hukum Islam tentang garis panduan muzium patuh syariah yang sesuai dengan realiti Malaysia.

Kajian ini mengandungi dua fasa utama, iaitu fasa pertama pembentukan cadangan garis panduan muzium patuh syariah yang kemudian disusuli dengan fasa kedua bagi mendapatkan pengesahan garis panduan terbabit oleh pakar muzium, budaya dan hukum Islam. Bagi kaedah analisis kandungan, kajian ini menggunakan pendekatan Islamisasi ilmu yang menggunakan empat langkah utama (Zaini, 1989:39–42); iaitu (1) kajian mendalam dalam disiplin muzium moden yang melihat elemen kekuatan dan kelemahan muzium Barat; (2) kajian dan analisis pada *Kitab Turath Islam* dalam isu membabitkan tema sejarah dan muzium; (3) kajian perkaitan Islam dengan disiplin muzium moden; dan (4) pembentukan sintesis model muzium patuh syariah.

Keabsahan garis panduan awal ini cuba disahkan oleh pakar muzium, budaya dan hukum Islam menggunakan teknik Fuzzy Delphi. Cadangan garis panduan muzium patuh syariah terdiri daripada dua perkara utama.

- (1) Garis panduan kurator muzium.
- (2) Garis panduan artifak muzium.

ANALISIS, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil penggunaan analisis kandungan terhadap bahan-bahan terpilih, kajian ini mencadangkan garis panduan muzium patuh syariah alternatif yang terdiri daripada yang berikut.

Garis Panduan Kurator Muzium

Kurator ialah penggerak utama yang mengerakkan muzium. Mengikut Weinberg (2014), istilah kurator merujuk profesion khusus dalam institusi muzium yang memainkan dua peranan utama: (Weinberg, 2014:42–71) Pertama, mengumpul, menjaga, merawat, mengklasifikasi dan melakukan penyelidikan atau kajian lanjutan terhadap sesuatu artifak atau manuskrip yang dimiliki oleh sesebuah muzium. Kedua, merangka konsep asas bagi tema dan reka bentuk sesuatu artifak itu dipamerkan. Ia

perlu memastikan bahan pamerannya menarik, mudah difahami dan menghidupkan pamerannya yang bakal memberi input ilmu kepada para pengunjung.

Atas dasar itu, tugas kurator menuntut seorang itu mempunyai kemahiran melakukan kajian ilmu dalam bidang yang khusus. Ia bertindak sebagai pakar rujuk dalam artifak tertentu.

Jadi, tugas penyelidikan oleh kurator muzium bersamaan dengan tugas penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik di IPT. Kurator melaksanakan tugasnya umpama ia melakukan kajian penyelidikan tesis bagi menghuraikan, menjelaskan atau menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Bagi Ahnaf Wafi (2018:215–230), dalam kes penyelidikan di Muzium, tugasannya boleh berlaku dalam beberapa bentuk, iaitu:

- (a) memperincikan sejarah dan kandungan sesuatu artifak;
- (b) membuat analisis perbandingan antara artifak pilihan dengan artifak lain;
- (c) membuat analisis kritikal terhadap pandangan pihak lain terhadap artifak pilihan; dan
- (d) membuat analisis penerimaan pengunjung muzium terhadap sesuatu galeri.

(i) Kurator dan Pengaruh Ideologi

Secara alaminya, seorang kurator pasti terpengaruh dengan sesuatu ideologi dan falsafah tertentu apabila ia menghasilkan sesuatu galeri muzium. Mereka bukannya robot yang bebas nilai tetapi pasti dipengaruhi oleh sesuatu falsafah dan kepercayaan tertentu. Hal ini terbukti apabila kurator muzium Eropah terpengaruh dengan falsafah *Enlightenment*. Pada zaman pencerahan (*enlightenment*) (abad 17 dan 18 M), kerjaya kurator muzium dipengaruhi oleh falsafah pencerahan (*enlightenment*) yang berkembang di Eropah. Pada masa ini Britain telah menjadi kuasa global yang semakin kaya kerana terlibat dalam penjajahan di kebanyakan kawasan dunia. Mereka terlibat secara langsung dalam perdagangan hamba di negara transatlantik (merentas benua antara Afrika-Atlantik). Falsafah ini mengandungi beberapa inti pati utama yang dijelmakan dalam aktiviti pemuziuman, dan telah menjadi roh dan pendorong kepada aktiviti muzium. Falsafah ini meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada sains yang menekankan penggunaan akal saintifik dalam pemahaman sesuatu perkara tentang alam semula jadi. Hal ini secara langsung menolak autoriti agama dan tradisi silam. Penekanan utama diberikan kepada pemikiran sains yang dapat memberikan penjelasan logik dan saintifik pada sesuatu perkara. Dalam segenap perkara, proses pemahaman sesuatu perkara perlu menggunakan pendekatan sains, iaitu melalui kaedah mengumpul, mencatat, mengukur elemen fizikal, membentuk hipotesis yang

kemudiannya diuji kebenaran hipotesis serta teori ilmu melalui pengujian yang berterusan.

Falsafah pencerahan ini menuntut semua pihak terlibat dalam kegiatan ilmu. Keterlibatan ini sama ada sebagai pengajar, pencari ilmu, penyelidik dan penaja kepada usaha mencari ilmu. Program pencarian ilmu dianggap lebih berharga daripada usaha pencarian harta kekayaan. Masyarakat British dan Perancis memaklumi bahawa dengan penggunaan ilmu mereka dapat menguasai dan menjajah masyarakat lain, khususnya di luar Eropah seperti Afrika, Timur Tengah dan Asia.

Aktiviti muzium perlu dilakukan melalui tiga cara. Pertama, mengumpulkan semua aspek fizikal berupa objek, artifak, monumen dan manuskrip. Kedua, mencatatkan semua perkara asas tentang koleksi seperti latar belakang sejarah objek yang dikumpulkan – di mana, oleh siapa, untuk tujuan apa kegunaan objek terbabit. Ketiga, mengklasifikasi koleksi muzium yang terkumpul kepada beberapa kategori tertentu untuk tujuan pemerolehan pengetahuan yang lebih mendalam.

Pembahagian koleksi muzium dibuat mengikut pembahagian khusus kepada bidang seni, sejarah dan sains. Penerangan setiap bahan disusun secara rasional yang mudah difahami oleh akal yang waras dan bukan sekadar untuk bermegah kerana memiliki elemen misteri yang tidak logik (Hedstrom & King, 2003).

(ii) Sikap Islam kepada Kurator Muzium

Pada dasarnya, keterangan konsep Islam tentang kurator muzium masih belum dibangunkan oleh sarjana Islam. Jika adapun penulisan tentang konsep muzium Islam oleh sarjana Islam penulisannya dalam beberapa bentuk, iaitu: pertama, mengikut sudut pandang muzium Barat sebagai asas utama yang kemudiannya diterangkan perincian tentang artifak milik umat Islam (Shadia, 2012). Maknanya, penerangan tentang koleksi ini dibuat mengikut pemahaman muzium Barat tanpa mengambil kira sudut pandang Islam sejati (El-Adawy, 2016).

Kedua, kajian oleh sarjana Islam yang menerangkan tentang konsep penjagaan warisan Islam (Bay, 2020) sebagai cara untuk mengisi keperluan memajukan pelancongan Islam (Lina Munirah & Hairul Nizam, 2012). Selepas peristiwa 11 September 2001, berlakunya pertambahan kedatangan pelancong negara umat Islam di negara Islam. Hasilnya, negara umat Islam (OIC) telah mewujudkan konsep Pelancongan Mesra Muslim (*Muslim Friendly Tourism*) yang menyenaraikan pelbagai produk pelancongan yang patuh syariah di negara umat Islam. Produk pelancongan merangkumi perhotelan, perubatan dan pendidikan (Gurel Ceti, 2016:65–67). Namun begitu, produk muzium patuh syariah belum lagi diwujudkan, sedangkan potensinya amat besar untuk memajukan sektor pelancongan milik umat Islam. Sudah tiba masanya garis panduan ini dibangunkan. Seandainya hal ini berjaya direalisasikan,

tambahan pula dengan penambahbaikan kandungan dan persembahan institusi muzium Islam di Malaysia, produk muzium patuh syariah dijangka akan mampu menyumbangkan pendapatan utama kepada industri pelancongan di Malaysia.

Mengikut Jesu's-Pedro Lorente, proses pembangunan disiplin muzium Barat berlaku secara beransur-ansur. Pembangunannya dimulakan dengan beberapa langkah utama. Antaranya termasuklah, pertama diwujudkan koleksi sumber rujukan serta jurnal akademik dalam bidang muzium; kedua, munculnya badan muzium profesional pada peringkat antarabangsa dan ketiga, pengiktirafan program dan kurikulum disiplin muzium di universiti ternama (Lorente, 2012:237–252).

Ketiga-tiga langkah ini tidak wujud dalam konsep muzium Islam. Hal ini merupakan kelompongan utama dalam dunia intelektual Islam. Di Malaysia, tiada Institut Pengajian Tinggi Islam (IPT) yang menawarkan kursus muzium Islam secara khusus. Bahkan kajian tentang konsep, sejarah dan falsafah muzium dari perspektif Islam sangat minimum. Profesion kurator di Malaysia bukannya lahir daripada graduan pengajian muzium, tetapi lebih kepada pengajian umum (Ibrahim, 1998). Mereka lebih suka merujuk bahan bacaan muzium yang datang daripada dunia Barat. Lebih khusus lagi, kurator ini mudah terpengaruh dengan idea daripada Barat.

Apabila pihak penjajah Barat menjajah negara umat Islam, mereka mendapati umat Islam memiliki koleksi artifak, objek, monumen dan manuskrip ilmu yang besar. Koleksi artifak ini membuktikan keunggulan tamadun umat Islam, sedangkan pihak kolonial mempromosikan teori evolusi yang mencanangkan bahawa tamadun Barat berada dalam hierarki tamadun manusia yang tertinggi. Fakta ini terpakai dalam kes Mesir dan alam Melayu. Pihak penjajah British di alam Melayu dan Perancis di Mesir memutarbelitkan fakta: Pertama Islam dikatakan sebagai agama yang lahir daripada budaya padang pasir yang tidak bertamadun. Islam bersifat fanatik yang tidak memberikan apa-apa sumbangan ketamadunan. Umat Islam mewarisi tamadun pra-Islam tetapi gagal untuk memanfaatkannya, apatah lagi menjaganya. Hal ini berlaku kerana memang sifat Islam itu yang memusuhi dan bakal memusnahkan semua unsur-unsur bukan Islam. Kononnya hanya selepas pihak penjajah Barat datang, barulah semua warisan nyata dan tidak nyata pra-Islam terjaga dengan baik (Mahdy, 2019:127–140).

Kedua, Islam tidak memberikan apa-apa impak positif kepada masyarakat. Dalam kes di Tanah Melayu, Raffles mengeluarkan pandangan bahawa andainya tradisi Hindu masih berkuasa sudah pasti tamadun Melayu akan menjadi maju. Hal ini terbukti dengan wujudnya monumen Hindu seperti Candi Borobudur yang sangat hebat. Sedangkan Islam tidak mempunyai semua monumen ini. Dalam banyak hal, beliau menghargai budaya Hindu yang menekankan kasta kerana ketaatan masyarakat bawahan kepada kasta atasan akan memudahkan kuasa British menguasai politik-

ekonomi masyarakat tanah jajahan. Lebih penting lagi, dalam agama Hindu tiada fahaman jihad melawan penjajah yang bakal menjejaskan kuasa penjajah British (Rahimin Affandi & Siti Maimunah, 2017:33–49). Jadi, bagi dunia muzium selepas merdeka, tersebar dakwaan bahawa pihak penjajah Barat memperkenalkan konsep pemuliharaan (*conservation*) dan muzium pada umat Islam. Pengenalan terhadap pemuliharaan dan muzium ini dibuat kerana kononnya Islam tidak memiliki kesedaran menjaga warisan sejarah yang ditekankan oleh muzium moden. Hal ini ditegaskan oleh Mahdy (2019) dengan katanya;

Arabic-Islamic conservation traditions have developed over more than fourteen centuries and reached a high level of sophistication in preserving cultural heritage, with a great emphasis on intangible heritage, particularly the “word” both oral and written, including religious texts such as the Qur’an and hadith (the Prophet’s sayings), and secular texts including poetry and prose. However, these traditions have been marginalized and ignored by modern conservation practices, which were first introduced to the Arab region by European colonizers and Orientalists, and later adopted by Arabs and Muslims specializing in heritage-related fields. Prevailing Eurocentric theories and practices of the international conservation movement since the mid-twentieth century encouraged the continuation of separate approaches to intangible and tangible heritage, and the exclusion of Arab-Islamic traditions of conservation from approaches and methods of tangible cultural heritage. This may explain why for many decades local communities and various stakeholders were indifferent or even hostile to professionally conserved, managed, and presented cultural heritage in the Arab region.

Islam menganggap kerjaya kurator muzium sebagai kerjaya yang penting, kerana kerjaya ini bakal menentukan kejayaan dan kegagalan institusi muzium tersebut. Hasil kerja seseorang kurator muzium mengandungi dua perkara. Pertama, sebagai hasil pemikiran yang terhasil daripada pegangan kepada sesuatu falsafah dan dari sudut pandang tertentu. Kedua, mematuhi etika dan disiplin khusus dalam ilmu muzium. Oleh sebab kerja seseorang kurator merupakan hasil gabungan antara usaha fizikal dan pemikiran, maka hasil kerjanya dikategorikan sebagai suatu perbuatan yang tertakluk pada lima bentuk hukum Islam; halal, haram, harus, sunat dan makruh (Mohd Yusof, 1998). Atas sebab itu, seseorang kurator Islam perlu lebih berhati-hati dalam penghasilan karya seni atau galeri pameran Islam.

Pada hakikatnya, terlalu banyak tugas dan peranan kurator muzium. Pakar muzium moden menerangkan bahawa bidang tugas seorang kurator muzium adalah agak mencabar (Boylan, 2010:415–430). Peranannya membabitkan tiga tugas utama, iaitu pemeliharaan, penyelidikan dan komunikasi.

Di bawah tiga tugas ini, diperlukan sembilan kemahiran yang khusus. Bagi tugas pemeliharaan (*preservation*), seseorang kurator memerlukan (1) kepakaran pengumpulan koleksi (*collection planning*); (2) pengurusan pengumpulan (*collecting*); dan (3) penjagaan koleksi (*collection care*). Untuk tugas penyelidikan, diperlukan kemahiran (4) kajian pakar (*scholarly research*); (5) penyelidikan berasaskan bahan (*object research*); dan (6) penyelidikan gunaan (*applied research*).

Untuk tugas komunikasi pula, seorang kurator perlu memiliki kemahiran (7) membangunkan pameran (*exhibition development*); (8) Pendidikan (*education*); dan (9) bantuan dan sokongan (*outreach and advocacy*) (American Association of Museums, 2000).

Kita boleh mencadangkan syarat dan ilmu khusus untuk membantu kelancaran tugas seorang kurator Islam. Semua jawatan penting dalam Islam seperti ketua negara memerlukan pelbagai syarat khusus yang perlu dipenuhi bagi memastikan kelancaran tugasnya berjalan mengikut kehendak dan piawaian Islam. Secara dasarnya, fuqaha telah meletakkan pelbagai syarat untuk sesuatu jawatan penting seperti syarat seorang mujtahid atau mufti dalam Islam (Rahimin Affandi, 2000:177–196) yang terdiri daripada syarat asasi dan syarat ilmu. Syarat asasi terdiri daripada Islam, adil, bertakwa dan berilmu. Untuk syarat kelayakan ilmu terdiri daripada memiliki ilmu syariah, usuluddin, tasawuf dan sejarah Islam. Perkara yang paling penting ialah, seseorang kurator perlu memiliki ilmu dalam bidang muzium.

Sesuai dengan konsep kesedaran muzium baharu yang menuntut seseorang kurator terlibat dalam pendidikan (Ahmad Farid *et al.*, 2019:93–111) seorang kurator perlu menjadikan tugas dakwah dan pendidikan sebagai agenda utama (Samsinas, 2020:166–190). Kita patut belajar dengan pengalaman muzium Barat yang telah memainkan peranan pendidikan ini dengan begitu tuntas. Mereka telah mengadakan pelbagai pameran tentang Islam dengan matlamat mendidik masyarakat tentang Islam. Contohnya mereka telah mengadakan pameran haji (Ilgen, 2013:25–30), pameran seni (Forstrom, 2017) dan sumbangan 1001 tamadun Islam (Smith, 2019). Pameran ini berjaya membuka mata masyarakat antarabangsa tentang pendekatan Islam yang cintakan kedamaian dan ilmu.

Selepas peristiwa 11 September 11/9, muzium Barat berusaha menolak fenomena Islamifobia yang dikaitkan dengan Islam (Forstrom, 2017) melalui pelbagai pameran kesenian Islam. Mereka telah memanfaatkan galeri kesenian Islam untuk tujuan ini. Setiap maklumat untuk galeri Islam disertakan dengan penerangan tentang siapa, untuk apa, dari mana dan terpenting sekali falsafah yang menghasilkannya (Ryan, 2015:51–52). Dalam soal ini, mereka telah memanfaatkan karya seni Islam dalam

bentuk dan bahasa yang bebas daripada pengaruh politik yang rata-ratanya anti-Islam.

Hasilnya, mereka berjaya menonjolkan sifat ajaran Islam sejati yang menekankan falsafah rahmah, wasatiyyah, tauhid dan masalah berasaskan bukti sejarah dalam bentuk nyata (*tangible*) dan tidak nyata (*intangible*). Antara bukti ini termasuklah teks manuskrip klasik, hasil seni dan artifak sains yang membuktikan sumbangan Islam kepada tamadun dunia (Ahmad Farid, 2019).

Mereka memahami bahawa seni Islam merupakan karya insani yang mengungkapkan keindahan dalam dua bentuk. *Pertama* mengekspresikan intuisi dan imaginasi seniman Islam. Kedua merefleksikan pandangan dunia Islam yang lebih holistik. Hal ini ditegaskan oleh Durant: “*Islamic art overrode all limites of place and time, laughed at distinctions of race and blood, developed a unique and yet varied character, and expressed the human spirit with a profuse delicacy never surpassed*” (Durant, 1950:271).

Dalam bahasa lainnya, proses penciptaan seni Islam itu sendiri merupakan sebahagian daripada proses pengabdian atau ibadah kepada Allah; dalam setiap proses penciptaan seni Islam mengandungi unsur-unsur pengagungan (*takbīr*), pemujian (*tahmīd*), dan penyucian (*tasybīh*) kepada Allah dan penghormatan (*salawāt*) untuk Rasulullah SAW serta penyebaran perdamaian (*salām*) bagi seluruh makhluk-Nya (Muhammad Budi, 2018:271–306). Dengan kata lain, dalam proses penciptaannya, seni Islam mengandungi nilai (*tazkiyah*) sebuah upaya pembersihan spiritual, yang merupakan inti pati daripada ibadah itu sendiri (Armahedi, 1993:17).

Garis Panduan Artifak Muzium

Muzium akan diisi dengan artifak ataupun objek yang khusus. Tanpanya muzium hanya menjadi gudang simpanan barang semata-mata. Artifak ini terdiri daripada dua warisan sejarah, iaitu warisan nyata (*tangible*) dan warisan tidak nyata (*intangible*). Mengikut piawaian museumologi moden, sesuatu artifak warisan nyata yang dipilih untuk dikumpulkan dan dipamerkan perlu memiliki beberapa ciri khusus, antaranya; (1) mempunyai nilai sejarah dan mewakili era yang dipilih; (2) terhasil daripada kearifan tempatan atau kemahiran yang tinggi; (3) keunikan objek dan (4) keindahan dalam aspek bentuk, fungsi, hiasan dan simbol (Karp & Lavine, 1991; Cuno, 2011).

Bagi objek warisan tidak nyata, penjagaannya lebih unik kerana merupakan hasil ilmu pengetahuan milik sesuatu masyarakat. Penghasilannya melalui penggunaan pelbagai epistemologi (sumber dan pendekatan ilmu) yang khusus. Dalam Islam, penjagaan warisan tidak nyata amat ditekankan yang terbukti apabila sistem *isnad* diperkenalkan demi untuk menjaga autoriti dan kebenaran sesuatu dokumen dalam Islam (Siti Fahimah, 2014:207–220).

Pemuliharaan kedua-dua warisan ini amat penting kerana menjadi bukti kewujudan sesuatu tamadun dan terpenting sekali bahawa warisan ini bakal menjadi asas jati diri dan sumber kebanggaan bagi sesuatu masyarakat Islam. Secara tidak langsung, usaha pemuliharaan ini bertepatan dengan maksud maqasid syariah. Yang jelasnya, penjagaan bukti sejarah yang berupa objek kelima *daruriyyah* (agama, akal, nyawa, keturunan dan harta) amat penting bagi membuktikan kewujudan sesuatu tamadun.

Permasalahan terbesar yang dihadapi oleh umat Islam ialah tiadanya usaha untuk menjaga atau memulihara terhadap dokumen dan bukti sejarah, walaupun hal ini sangat ditekankan kepentingannya dalam al-Quran sendiri. Contoh terbaik boleh dilihat pada realiti kegagalan umat Islam di Tanah Melayu menjaga pelbagai manuskrip Melayu Islam. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar warisan tidak nyata ini telah musnah. Lebih memalukan lagi, kebanyakan manuskrip ini wujud dan terjaga kerana usaha pihak kolonial British (Warnk, 2010:99–128). Mereka telah mengumpul dan melakukan pemeliharaan manuskrip ini di British Library yang dapat dirujuk oleh penyelidik Malaysia di zaman selepas merdeka (Jelani, 2008).

(a) Pendekatan Kritikal-Selektif dengan Falsafah Muzium Barat

Hal ini dapat dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan pascakolonial (dekolonialisasi dan selektif) terhadap falsafah muzium Barat, yang antaranya membabitkan beberapa perkara. Pertama, menolak falsafah bertumpuan Eropah (*euro-centric*) dan evolusionisme yang dipakai oleh muzium Barat. Contohnya, galeri muzium kolonial menonjolkan orang Melayu kurang menerima Islam yang ortodok (sejati) tetapi penuh dengan elemen sinkretisme. Islam hanya kulit luar sedangkan isi dalamnya kepercayaan pra-Islam (Rahimin Affandi & Siti Maimunah, 2017:33–49).

Kedua, orang Melayu dianggap sebagai bangsa primitif kerana faktor *oriental despotic* (dasar zalim yang dibuat oleh Raja-raja Melayu). Kezaliman ini mendapat pengesahan daripada Islam seolah-olah di mana-mana sahaja Islam berkembang pasti ada sifat pemerintahan raja yang menindas rakyatnya.

Ketiga, taraf orang Melayu disesuaikan dengan teori evolusi yang menunjukkan orang Melayu bangsa primitif yang perlu dijajah oleh British untuk mentamadunkan mereka. Atas sebab itu, artifak yang digunakan menunjukkan sifat buruk fizikal orang Melayu seperti tidak berbaju, kotor, hitam, wajah ganas dan bebas membawa senjata. Mereka juga menonjolkan etnografi orang asli yang dianggap ringkas, jujur dan eksotik. Mereka dianggap penduduk asal sebenar tanah Melayu, etnik tertindas di bawah penguasaan orang Melayu selepas kedatangan Islam.

(b) Pendekatan Kritikal pada Warisan Pra-Islam Melayu Bertentangan dengan Islam

Warisan Pra-Islam Melayu membabitkan unsur syirik berasaskan Animisme-Hindu-Buddha milik masyarakat Melayu pada zaman sebelum Islam. Kepercayaan pra-Islam masyarakat Melayu ialah kepercayaan dan pemujaan kepada roh nenek moyang. Contohnya, bacaan jampi serapah yang biasanya dibaca dalam upacara rasmi perubatan tradisional dan pertabalan Diraja Melayu (Lim, 2009:71–108). Islam telah membebaskan pengaruh sudut pandang Melayu era pra-Islam seperti kepercayaan animisme, (syirik) dan mitos. Islam menerapkan rasionalisme sejati yang berteraskan tauhid (Khalif Muammar, 2011:79–101).

(c) Menolak Sebarang Unsur Bertentangan dengan Prinsip Tauhid (Syirik)

Penolakan unsur bertentangan dengan prinsip tauhid membabitkan elemen kognitif dan afektif. Bagi elemen kognitif (kefahaman) merujuk kefahaman tentang konsep Tauhid yang merupakan asas terpenting ajaran Islam yang tidak ada tolak ansur di dalamnya. Dalam prinsip Tauhid ini, seseorang insan itu perlu mengambil maklum tentang hakikat tauhid dalam setiap perbuatannya sama ada hubungan dengan Allah SWT atau dengan makhluk. Hal ini tidak terhad kepada pemahaman keesaan Allah SWT sahaja, tetapi juga turut merangkumi beberapa inti pati yang lain.

Pertama, wujud perbezaan yang jelas antara Tuhan dengan makhluk. Tuhan ialah Tuhan dan berbeza daripada makhluk. Makhluk dalam apa-apa bentuk sekalipun bukannya jelmaan daripada Tuhan yang harus ditakuti. Atas dasar itu, alam dan makhluk ialah ciptaan Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak. Kedua-duanya hanya tunduk dan mentaati Allah SWT semata-mata.

Kedua, perbuatan syirik kepada Allah SWT tidak dibenarkan sama sekali, kerana mengakibatkan kezaliman yang amat besar dan tidak akan diampunkan oleh Allah SWT. Perbuatan syirik ini boleh berlaku dalam dua bentuk, sama ada menyekutukan Allah SWT dengan kuasa ketuhanan yang lain ataupun menjadikan manusia atau nafsu sebagai kuasa penentu yang bertaraf seolah-olah seperti Tuhan. Dengan kata lain, kedua-dua bentuk syirik ini, iaitu syirik jali dan syirik khafi perlu disedari sepenuhnya oleh umat Islam. Matlamat utama daripada pendekatan antisyririk ini adalah untuk menjuruskan pengabdian insan hanya kepada Allah SWT. Pendekatan antisyririk ini yang bakal melahirkan manusia yang berjiwa bebas, merdeka dan tidak tunduk kepada manusia dan selainnya yang boleh menggantikan posisi Tuhan.

Ketiga, berbanding dengan makhluk lain, manusia ialah ciptaan Allah SWT yang terbaik yang dipertanggungjawabkan dengan tugas sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Tugas ini perlu dilaksanakan dengan mengambil kira garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Keempat, ketaatan mutlak tanpa kritis terhadap mana-mana kuasa ataupun manusia ditolak dalam Islam. Neraca tertinggi untuk sesuatu kebenaran bukan terletak pada individu, parti dan puak (pendekatan non-partisan), tetapi perlu dinilai mengikut garis panduan wahyu Allah SWT. Hal ini bakal menghilangkan benih awal untuk sesuatu pendekatan fanatik dalam setiap tindakan. Terpenting sekali, hakikat tauhid ini perlu dijadikan sebagai matlamat utama kehidupan manusia ataupun dianggap sebagai mikrokosmik (teras asas perjuangan hidup).

Untuk aspek afektif pula, aspek ini membabitkan sikap, amalan dan objek yang terhasil daripada syirik. Pertama, apa-apa sahaja artifak/ukiran yang berjasad seperti patung yang menjurus pada berhala. Tidak kira sama ada patung itu lengkap ataupun tidak. Kedua, sebarang lukisan manusia atau binatang yang ada elemen penyembahan seperti berhala, termasuklah arca atau berhala milik tamadun pra-Islam milik masyarakat Melayu sendiri. Tidak dibolehkan untuk berbangga dengan warisan bukan Islam yang menjurus kepada kesyirikan kepada Allah.

(d) Menolak Unsur-unsur Bertentangan dengan Prinsip Islam

Diakui garis panduan artifak muzium patuh syariah belum wujud lagi. Namun begitu, usaha mewujudkan garis panduan patuh syariah begini boleh dicontohi berdasarkan pendekatan patuh syariah yang lain seperti seni, pasaran saham dan perhotelan (Anuar Ramli, 2019: 321–352; Mohd Yahya & Joni Tamkin, 2009:431–456; Siti Fatma & Rosmawati, 2015:1–9). Antaranya termasuklah:

- (i) Pembaziran.
- (ii) Fitnah/ Pembohongan fakta.
- (iii) Unsur melampau agama.
- (iv) Unsur *tasyabbuh* dengan agama lain.
- (v) Kezaliman kepada sesama manusia
- (vi) Kelucahan melampau.
- (vii) Kemewahan melampau.
- (viii) Sistem feudalisme yang bertentangan dengan prinsip asas Islam.
- (ix) Falsafah dan tindakan merosakkan ekologi alam.
- (x) Elemen maksiat dan melalaikan seperti pergaulan lelaki dan perempuan tanpa batas dan melengah-lengahkan kewajipan utama.
- (xi) Unsur perjudian (pertaruhan).
- (xii) Wujudnya elemen syubhah (keadaan adanya percampuran elemen haram dan halal) dalam sesuatu benda atau artifak.

Keterangan tentang Status Artifak Suci

Status barangan atau artifak suci dalam Islam hanya terhad pada teks al-Quran dan tidak pada objek lain. Piawai utama ialah artifak mesti bersih daripada hadas atau wajib berwuduk apabila menyentuhnya dan menguruskannya. (Zekrgoo & Barkeshli, 2005:94–100).

Mengikut sudut pandang Islam, secara hierarkinya hanya ada dua kejadian di dalam dunia, iaitu Allah dan makhluk. Allah sebagai Tuhan pencipta yang wajib disembah dan dianggap sebagai Zat Tuhan Yang Maha Suci. Makhluk ialah yang selain daripada Allah, iaitu termasuklah alam, makhluk atau hasil ciptaan makhluk seperti artifak, monumen, manuskrip. Sehebat mana sekalipun makhluk ini tidak dianggap sebagai bahan suci yang mempunyai kuasa seperti Tuhan. Islam tidak menganggap sebarang artifak seperti gambar, objek, monumen, kubur dan manuskrip milik agama yang berstatus suci. Status suci ini kemudiannya bakal menyebabkannya dijadikan objek penyembahan oleh penganut agama tertentu. (Nurhanisah, 2019:649–659).

Islam menolak kepercayaan bahawa artifak, monumen dan ikon mempunyai kuasa perantaraan untuk mencapai hajat kepada Tuhan. Hal ini termasuk penolakan konsep suci dikaitkan dengan pertama, objek dan monumen sejarah. Contohnya, objek yang digunakan dalam ibadat haji seperti kaabah, kelambu kaabah dan Batu Hajarul Aswad tidak harus dijadikan ikon untuk disembah dalam Islam.

Kedua, bahan sejarah yang dikaitkan dengan seseorang nabi atau sahabat atau tokoh tertentu. Islam menguna pakai konsep *sadd zara'I*, iaitu pendekatan strategik/ menutup pintu kerosakan yang bakal menimbulkan kerosakan walaupun pintu itu halal pada dasarnya. Sejarah Islam mencatatkan asal usul pemujaan terhadap objek atau monumen berlaku kerana faktor kejahilan dan pendekatan yang memuja sesuatu perkara secara berlebihan.

Nilai sejarah sesuatu artifak itu perlu dipertahankan kerana mengingatkan seseorang kepada peristiwa sejarah yang berlaku membabitkan sesuatu perkara. Andainya tanda atau bekas sejarah dihapuskan nescaya manusia lupa akan peristiwa sejarah ini, dan termasuklah iktibar atau pengajaran sejarah yang bakal diperoleh daripadanya. (Gharib, 2017:366–380). Beberapa contoh boleh diberikan, antaranya termasuklah rumah kelahiran nabi, gua hira tempat nabi pertama kali menerima wahyu dan kawasan perang Badar.

Nilai sejarah mengajar umat manusia terkemudian agar jangan takbur dengan pencapaian tamadunya kerana masih ada lagi kuasa yang lebih hebat, iaitu Allah yang mampu memusnahkan tamadunya andainya perintah Allah tidak ditaati. Bahan sejarah ini menjadi asas jati diri dan identiti untuk sesuatu masyarakat.

Namun begitu, di Arab Saudi warisan ini tidak dijaga untuk tujuan pembangunan bagi memajukan dan memodenkan fasiliti haji. Akibatnya banyak daripada tinggalan

sejarah penting telah hilang digantikan dengan bangunan moden. Contohnya, tapak rumah asal milik Abu Bakar Sidiq sahabat Rasulullah telah dirobuhkan dan diganti dengan mesin ATM.

Islam Menolak Falsafah Ikonoklasme Melampau

May (2012:3) menyatakan bahawa ikonoklasme merujuk tindakan; pertama, memusnahkan semua objek, ikon, imej dan monumen sejarah sama ada di pusat ibadat, kubur, pusat pendidikan dan tempat awam. Kedua, mengharamkan hasil seni yang berupa usaha melukis atau meniru objek hidup dalam bentuk haiwan atau manusia. Lebih penting lagi, ikonoklasme turut mengharamkan sebarang usaha melukis elemen alam metafizik seperti Allah, syurga, neraka, Nabi dan sebagainya. Semua perbuatan ini diharamkan dalam Islam kerana perlakuan tersebut bakal menjadikan seseorang itu terjerumus ke lembah syirik. Lebih khusus lagi, perbuatan ini termasuk dalam kepercayaan atau pendewaan terhadap fahaman politik bukan Islam dan menolak kedaulatan hukum Allah SWT.

Hujah utama falsafah ikonoklasme yang diguna pakai oleh Wahabi dan Daesh adalah untuk mengelakkan berlakunya pendewaan melampau kepada tokoh-tokoh sejarah yang telah meninggal dunia. Bagi mereka, tindakan pendewaan ini akan menyebabkan berlakunya usaha menghidupkan berhala baharu yang secara pastinya bakal menyebabkan amalan syirik berkembang secara tidak langsung dalam masyarakat (Elaskary, 2017:1–11).

Sikap Skeptik terhadap Artifak Sejarah

Bagi golongan salafi, semua monumen sejarah silam termasuk milik umat Islam dikira berbahaya kerana berpotensi untuk dijadikan alat pemujaan yang kemudiannya boleh membawa kepada syirik (Al-Zahrani, 2016:57–64). Pandangan cetek ini agak berbahaya kerana pertama, ia terkena penyakit *self truth claim* yang menganggap hanya pandangan mereka yang paling betul manakala pandangan orang lain semuanya salah. Kedua, sikap memandang rendah kemampuan potensi akal manusia untuk memikir dan berpandangan jauh untuk menangani sesuatu perkara. Sedangkan akal manusia mampu berfikir secara selektif dalam hal menghadapi sesuatu masalah. Bagi fuqaha Islam dalam hal memahami hukum pengharaman sesuatu hasil seni, akal manusia mampu berfungsi dalam tiga perkara:

- (a) Memahami maksud dan sebab musabab sesuatu perkara disyariatkan dan diharamkan.
- (b) Memilih dan menapis serta selektif dengan perkara baharu.

- (c) Melahirkan hasil seni yang menerapkan pendekatan selektif, iaitu membuang elemen yang haram dan menerapkan elemen yang baik.

Mengikut ijmak sarjana Islam dalam persidangan Doha (Al-Ansari, 2001:27–33), kita tidak boleh memandang rendah apatah lagi menghancurkan warisan tamadun silam (pra-Islam) kerana beberapa sebab:

- (a) Perlu terbuka dalam kepelbagaian, iaitu menerima kewujudan tamadun silam yang pernah dibangunkan oleh umat manusia termasuk golongan bukan Islam.
 (b) Tamadun silam boleh dijadikan sebagai sumber ilmu yang boleh dipelajari. Contohnya generasi akan datang bakal mengkaji bagaimana dan untuk tujuan apa tamadun Piramid di Mesir dibangunkan.
 (c) Warisan tamadun silam termasuk milik bukan Islam perlu dijaga untuk tujuan mengekalkan memori sejarah.

Nilai sejarah sesuatu artifak itu perlu dipertahankan kerana keberadaannya bakal mengingatkan seseorang kepada peristiwa sejarah yang berlaku membabitkan sesuatu perkara. Andainya tanda atau bekas sejarah dihapuskan nescaya manusia akan melupai peristiwa sejarah ini. Nilai sejarah termasuk iktibar atau pengajaran sejarah yang bakal diperoleh daripadanya (Gharib, 2017:366–380).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, beberapa perkara boleh dikenal pasti. Pertama, pembentukan garis panduan muzium patuh syariah dapat dianggap sebagai keperluan yang mendesak. Muzium patuh syariah bakal mendukung dan memperkukuh industri pelancongan Islam yang menjadikan muzium sebagai salah satu daya tarikan pelancongan Islam. Kedua, garis panduan muzium patuh syariah perlu mengandungi antara lainnya dua perkara utama, iaitu kurator dan artifak Muzium. Dalam kedua-duanya, syarat dan sudut pandang Islam berserta pandangan muzium moden disintesisikan yang kemudiannya menghasilkan garis panduan muzium Islam alternatif. Selanjutnya, kajian pengukuhan lanjutan perlu dilakukan oleh penyelidik lain bagi memperkemas garis panduan muzium patuh syariah ini agar bersesuaian dengan realiti alam Melayu.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah –Muzium Pahang (ASA-RC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001.KOLONIALISME/2021). Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada ASA-RC atas sumbangan dana yang telah diberikan.

RUJUKAN

- Ahmad Farid Abdul Jalal. (2019). *Pengaruh British dalam Institusi Muzium di Malaysia: Kajian di Muzium Negeri Pahang*. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2019). Kesedaran muzium baru di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 93–111.
- Ahnaf Wafi Alias. (2018). Peranan kurator Muzium Negeri Pahang dalam memastikan kelangsungan manuskrip hukum kanun Pahang. *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (PERSIPMAM)*, ATMA UKM, 215–230.
- Al-Ansari, Abdul Hamid. (2001). Islam and the preservation of the human heritage. *Proceedings of the Doha Conference Of 'Ulamâ On Islam And Cultural Heritage*, Doha, Qatar, 30–31 December 2001, 27–33.
- Al-Zahrani, Damna A. (2016). *Heritage, conservation and good governance enhancing the heritage law framework in Saudi Arabia*. Tesis Kedoktoran untuk University of Western Australia, 57–64.
- American Association of Museums. (2000). *Code of ethics for museums*. Retrieved august 26, 2007. <http://www.aam-us.org/museumresources/ethics/coe.cfm>
- Anuar Ramli (2019), Unsur kearifan tempatan dalam fiqh budaya dan seni melayu Islam dari perspektif hukum Islam. *Jurnal Fiqh*, 16(2), 321–352.
- Armahedi Mahzar. (1993). *Islam masa depan*. Penerbit Pustaka.
- Bay, Mohammed Abdulfattah. (2020). *The sacred city assemblage a study of the value-based preservation and heritage production process of the sacred city of Al-Madinah*. Tesis PhD untuk University of Colorado.
- Boylan, P.J. (2010). The museum profession. In Sharon J. Macdonald (Ed.), *Blackwell Companion to Museum Studies*. Blackwell Publishing.
- Cuno, J. (2011). *Museums matter: In praise of the encyclopedic museum*. University of Chicago Press.
- Durant, W. (1950). The age of faith, dalam *the story of civilization IV*. Simon and Schuster.
- Elaskary, Mohamed. (2017). Death, resurrection, and shrine visitations: An Islamic perspective. *Religions* 2017, 1–11.
- El-Adawy, Eman Taha. (2016). *A visitor-centric approach to socially sustainable museums: The egyptian geological museum*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). American University in Cairo.
- Forstrom, M. (2017). *Interpretation and visitors in two Islamic art exhibitions*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). The University of Westminster.
- Gibb. (1962). *Mohammedanism*. Oxford, 74.
- Gharib, Rahib. (2017). Preservation of built heritage: An Islamic perspective. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development*, 7(4), 366–380.

- Gurel Ceti. (2016). Muslim Friendly Tourism (MFT): A discussion. *Journal of Tourismology*, 2(1), 65–67.
- Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj & Nurul Rabihah Mat Noh. (2014). Aplikasi teknik fuzzy Delphi terhadap keperluan aspek ‘riadhah ruhiyyah’ untuk profesionalisme perguruan pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, July 2014, 2(2), 2–21.
- Hedstrom, M & King, J. L. (2003). *On the LAM: Libraries, Archive, and Museum collections in the creation and maintenance of knowledge communities*. Organisation for Economic Co-Operation and Development. Available at: <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>.
- Ibrahim Ismail. (1998). *Keperluan latihan bagi staf di Jabatan Muzium dan Antikuiti dan Muzium-muzium Negeri terpilih di Malaysia*. (Tesis Sarjana Sains pembangunan Sumber Manusia tidak diterbitkan). Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Ilggen, L. (2013). *Volkenkunde museum and its visitors a case study on the making of the Haji exhibition*. (Unpublished Master Thesis). university of Leiden.
- Jelani Harun. (2008). Kajian naskhah undang-undang adat Melayu di London. *Sari*, 26.
- Karp, I. & Lavine, S. (1991). *Exhibiting cultures: The poetics and politics of museum display*. Smithsonian Institution Press.
- Khalif Muammar A. Harris. (2011). Ilmu ketatanegaraan Melayu abad ke-19: Kajian terhadap karya Raja Ali Haji. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 29(1), 79 – 101.
- Lim, S. H. (2009). Perkembangan ideologi politik dan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. *Malaysia dari segi Sejarah*, 37, 71–108.
- Lina Munirah Kamarudin & Hairul Nizam Ismail. (2012). Membudayakan pelancongan Islam di Malaysia: Strategi dan isu. *The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago Universiti Teknologi MARA (Perak)*, Malaysia, 11 & 12 December 2012.
- Lorente, Jesús-Pedro. (2012). The development of museum studies in universities: From technical training to critical museology. *Museum Management and Kuratorship*, 27(3), August 2012, 237–252.
- Mahdy, H. (2019). Is conservation of cultural heritage halal? Perspectives on heritage values rooted in Arabic-Islamic Traditions. In Erica Avrami, Susan Macdonald, Randall Mason, David Myers (Eds.), *Values in Heritage Management Emerging Approaches and Research Directions*. The Getty Conservation Institute, Los Angeles.
- May, N. N. (2012). *Iconoclasm and text destruction in the Acient Near East and beyond*. The University of Chicago.
- Mohd Yahya Mohd Hussin & Joni Tamkin Borhan. (2009). Analisis perkembangan pasaran saham Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(3), 431–456
- Mohd Yusof Othman. (1998). *Isu-isu dalam ilmu dan pemikiran*. Aras Mega Sdn Bhd.
- Muhammad Budi Santoso. (2018). Prinsip transendental dalam seni visual Islam. *Tasfiah*, 2(2), 271–306.

- Nurhanisah Senin. (2019). Penyembahan imej dalam agama Kristian, Hindu dan Buddha: Analisis perbandingan. *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019* || eISBN 978-967-2122-82-1) 5th & 6th November 2019, Tenera Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studeis. International Islamic University College, Selangor, Malaysia, 649–659.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim & Siti Maimunah Kahal. (2017). Ilmu kolonial dan Islamisasi alam melayu: Analisis kritikal. *Jurnal Sejarah*, 26(1), 33–49.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. (2000). Etika penyelidikan Islam: Suatu analisa. *Jurnal Afkar*, 1(1), 177–196.
- Ryan, L. (2015). *Transcending boundaries: The arts of Islam: Treasures from the Nassar D. Khalili collection*. (Unpublished Tesis PhD). Institute for Culture and Society University of Western Sydney.
- Samsinas, Samsinas. (2020). The use of museum for cultural dakwah purposes. *HUNafa: Jurnal Studia Islamika*, 17(2), 166–190.
- Shadia Mahmoud. (2012). *The development of archaeological and historical museums in Egypt during the nineteenth and twentieth centuries: Imperialism, nationalism, unesco patronage, and Egyptian museology today*. (Unpublished PhD thesis). Texas Tech University.
- Shazia Farhat. (2018). *Exploring the perspectives of the Saudi state's destruction of Holy sites: Justifications and motivations*. (Unpublished Master's Thesis). Harvard Extension School.
- Siti Fahimah. (2014). Sistem isnad dan otentisitas hadits: Kajian orientalis dan gugatan atasnya. *Ulul Albab*, 15(2), 207–220.
- Siti Fatma Mansor & Rosmawati Mohamad Rasit. (2015). Ciri-ciri hotel patuh syariah terhadap masa depan pelancongan Islam di Malaysia: Satu tinjauan literature. *Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Smith, E. M. (2019). *Gazing at the golden age: The role of perspective in counter memorial display*. (Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan). University of Kansas.
- Subhi Mahmassani. (1987). *The philosophy of jurisprudence in Islam*. University of London.
- Warnk, H. (2010). The collection of 19th century printed Malay books of emil lüring. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(1), 99–128.
- Weinberg, L. (2014). *Curating immateriality: In search for spaces of the kuratorial*. (sPhD Thesis). Goldsmiths, University of London.
- Zaini Ujang. (1989). Tinjauan terhadap pendidikan bersepadu: Suatu sorotan dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2(1), 39–42.
- Zekrgoo, Amir & Barkeshli, Mandana. (2005). Collection management of Islamic heritage in accordance with the world-view and shari'ah of Islam. In (Edit Herb Stovel) *Conservation of Living Religious Heritage, Paper From ICCROM 2003 Forum On Living Religious Heritage: Conservation the Sacred*, ICCROM, Rome, 94–100.